

KERTAS BIL. 13/2020



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG
PENCEMARAN SUMBER AIR SEHINGGA
MENYEBABKAN HENTI TUGAS TIDAK BERJADUAL
LOJI-LOJI RAWATAN AIR DAN PEMBEKALAN AIR
SEMASA KECEMASAN**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	3
2	Latar Belakang	3
3	Keterangan	
	3.1. Insiden Pencemaran Air Dari 2018 Hingga April 2020	4
	3.2. Tindakan Undang-Undang Yang Telah Diambil Atas Insiden-Insiden Pencemaran Bau Dari 2018 Hingga April 2020	6
	3.3. Usaha Agensi-Agensi Untuk Menangani Masalah Pencemaran Bau Dan Pembekalan Air Semasa Kecemasan Dan Penemuan Jawatankuasa	7
	3.4. Saranan Agensi-Agensi	17
4	Saranan Jawatankuasa	20
5	Perakuan	25
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	26
	Urus Setia	26
	Senarai Saksi	27
	Lampiran-Lampiran	30

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PENCEMARAN SUMBER AIR SEHINGGA MENYEBABKAN HENTI TUGAS TIDAK BERJADUAL LOJI-LOJI RAWATAN AIR DAN PEMBEKALAN AIR SEMASA KECEMASAN

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Keempat Belas Tahun 2020 pada 13 Julai 2020 hingga 17 Julai 2020 dan 20 Julai 2020 hingga 24 Julai 2020.

2. LATAR BELAKANG

2.1. JPK-SAS telah mengadakan dua Pendengaran Tertutup pada 19hb Mei 2020 dan 21 Mei 2020 bagi mendapatkan penjelasan dan pencerahan mengenai pencemaran sehingga menyebabkan henti tugas tidak berjadual loji-loji rawatan air (LRA) dan pembekalan air semasa kecemasan. Sesalinan saksi untuk setiap agensi dilampirkan sebagai **Lampiran 1:-**

2.1.1. Air Selangor

2.1.2. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

2.1.3. Jabatan Alam Sekitar (JAS)

2.1.4. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

2.1.5. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

2.1.6. Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)

2.1.7. Indah Water Konsortium (IWK)

2.2. JPK-SAS juga telah menerima maklumat secara bertulis daripada Jabatan Peguam Negara berkenaan kes-kes pencemaran yang dibawa di mahkamah.

2.3. Ahli Jawatankuasa yang terlibat ialah:

2.3.1. Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze
(ADN Kawasan Subang Jaya)

2.3.2. Y.B. Tuan Leong Tuck Chee
(ADN Kawasan Pandamaran)

2.3.3. Y.B. Tuan Mohd Fakhurulrazi bin Mohd Mokhtar
(ADN Kawasan Meru)

2.3.4. Y.B. Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi
(ADN Kawasan Sijangkang)

2.3.5. Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George
(ADN Kawasan Sentosa)

2.3.6. Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik)

2.3.7. Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar
(ADN Kawasan Batang Kali)

3. KETERANGAN

3.1. INSIDEN PENCEMARAN AIR DARI 2018 HINGGA APRIL 2020

3.1.1. Berikut adalah insiden-insiden pencemaran sehingga menyebabkan henti tugas tidak berjadual LRA-LRA daripada 2018 hingga April 2020:

TARIKH	TEMPOH	LRA TERLIBAT	NOTA
26 Jun 2019	4 hari	LRA Sungai Semenyih	Pencemaran bau di Sungai Semenyih. Punca pencemaran disyaki sisa proses kilang minyak masak.
20 Julai 2019	8 hari	LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 LRA Rantau Panjang	Pencemaran diesel di sumber air mentah di Sungai Selangor Efluen dikeluarkan melalui loji rawatan kumbahan IWK Batang Kali. Pihak yang tidak bertanggungjawab dipercayai telah membuang sisa bukan domestik melalui sistem pembentungan IWK.
28 Sep 2019	3 hari	LRA Sungai Semenyih	Pencemaran bau di sumber air mentah di Sungai Semenyih. Efluen dikeluarkan melalui loji rawatan kumbahan IWK di Bandar Bukit Mahkota, Cheras. Pihak yang tidak bertanggungjawab dipercayai telah membuang sisa bukan

			domestik melalui sistem pembentungan IWK.
21 Dis 2019	6 hari	LRA Sungai Semenyih LRA Bukit Tampoi	Pencemaran bau di sumber air mentah di Sungai Semenyih. Efluen dikeluarkan melalui loji rawatan kumbahan IWK di Bandar Bukit Mahkota, Cheras. Pihak yang tidak bertanggungjawab dipercayai telah membuang sisa bukan domestik melalui sistem pembentungan IWK.
16 Mac 2020	1 hari	LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 LRA Rantau Panjang	Pencemaran bau di Sungai Selangor. Punca pencemaran daripada premis di Kampung Sungai Dua, Rawang, yang tidak menguruskan pelarut minyak enjin terpakai dengan baik.
27 Mac 2020	2 jam 20 min	LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3	Pencemaran minyak di Sungai Selangor. Minyak hidraulik disyaki berpunca daripada kawasan berhampiran sebuah kilang yang menjalankan aktiviti pengilangan besi.
16 Apr 2020	55 jam	LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 LRA Rantau Panjang	Pencemaran diesel di sumber air mentah di Sungai Selangor Punca pencemaran daripada kolam ikan keli haram di Masjid Tanah.

3.2. TINDAKAN UNDANG-UNDANG YANG TELAH DIAMBIL ATAS INSIDEN-INSIDEN PENCEMARAN BAU DARI 2018 HINGGA APRIL 2020

TARIKH	TEMPOH	LRA TERLIBAT	NOTA
26 Jun 2019	4 hari	LRA Sungai Semenyih	SPAN telah menghantar kertas siasatan kepada Timbalan Pendakwaraya. Surat arahan bawah Seksyen 121 Enakmen LUAS 1999 bertarikh 3 Julai 2019 telah dikeluarkan kepada pemilik premis.
20 Julai 2019	8 hari	LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 LRA Rantau Panjang	SPAN telah menghantar kertas siasatan kepada Timbalan Pendakwaraya.
28 Sep 2019	3 hari	LRA Sungai Semenyih	IWK telah dituduh dan mengaku bersalah yang membawa kepada denda RM14,000.
21 Dis 2019	6 hari	LRA Sungai Semenyih LRA Bukit Tampoi	Pesalah tidak dapat dikesan.
16 Mac 2020	1 hari	LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 LRA Rantau Panjang	JAS telah mengeluarkan notis arahan dan 30 kompaun bernilai RM60,000 atas premis di Kampung Sungai Dua, Rawang, yang tidak menguruskan pelarut minyak enjin terpakai dengan baik. Surat arahan bawah Seksyen 121 Enakmen LUAS 1999 bertarikh 3 Julai 2019 telah dikeluarkan kepada pemilik premis.
27 Mac 2020	2 jam 20 min	LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3	JAS telah mengeluarkan notis arahan dan 10 tawaran kompaun.

			Surat arahan bawah Seksyen 121 Enakmen LUAS 1999 bertarikh 3 Julai 2019 telah dikeluarkan kepada pemilik premis. LUAS telah mengarahkan pembersihan dengan serta merta.
16 Apr 2020	55 jam	LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 LRA Rantau Panjang	LUAS telah mengeluarkan Perintah Perlindungan Air di bawah s.122 Enakmen LUAS 1999.

3.2.1 Jawatankuasa mendapati maklumat yang dibekalkan oleh Pejabat Peguam Negara menunjukkan denda yang paling tinggi yang dihukum oleh mahkamah adalah hanya RM75,000 (Sila Lihat **Lampiran 2**).

3.2.2. Jawatankuasa juga mendapati bahawa kemungkinan pesalah dikesan selepas kejadian adalah rendah. Ini membawa kepada hakikat bahawa tindakan mahkamah perlu diletakkan sebagai pilihan terakhir atau *last option*. Sebaliknya, Kerajaan Negeri perlu lebih menumpukan usaha sebelum pencemaran wujud seperti penguatkuasaan, pencegahan awal, “*early warning system*” dan peningkatan teknologi rawatan air dan lain-lain.

3.3. USAHA AGENSI-AGENSI UNTUK MENANGANI MASALAH PENCEMARAN BAU DAN PEMBEKALAN AIR SEMASA KECEMASAN DAN PENEMUAN JAWATANKUASA

3.3.1. Air Selangor

USAHA AGENSI	PENEMUAN JAWATANKUASA
Penyediaan HORAS 600 yang merupakan sumber air mentah alternatif yang boleh digunakan semasa musim kemarau atau bantuan pencairan/ <i>flushing</i> ketika berlaku pencemaran di sungai.	HORAS 600 tidak dihubungkan ke LRA. Oleh itu ia tidak dapat menjadi punca air kecemasan.
Penyediaan Off River Storage (ORS) di Labohan Dagang, Sungai Labu dan Semenyih 2.	Bukan kesemua 34 LRA mempunyai ORS.

<p>4 River Monitoring Station (RMS) telah dibina untuk merekodkan data kualiti air sungai. (Sila lihat Jadual 1.0 di bawah)</p>	<p>Pemantauan dari 11 RMS Air Selangor, 4 stesen telemetri Air Selangor, 11 stesen telemetri LUAS dan 96+5 (<i>online</i>) stesen pemantauan air JAS serta data yang dikumpul wajar dipusatkan dan dikongsi bersama semua agensi berkepentingan. Kini, maklumat hanya dikongsi diantara LUAS dan Air Selangor.</p>
<p>11 RMS sedang dalam pembinaan. (Sila lihat Lampiran 3 di bawah)</p>	<p>RMS dalam pembinaan tidak meliputi sungai di semua hulu LRA. RMS yang sedang dirancang wajar dikaji untuk memastikan tiada pertindihan liputan antara RMS Air Selangor dengan stesen telemetri LUAS dan stesen pemantau air JAS. Jawatankuasa mengambil maklum masalah vandalisme RMS yang dihadapi oleh Air Selangor.</p>
<p>Membaiki 134 kolam air yang tidak aktif selepas diambil alih. Negeri Selangor mempunyai 1377 buah kolam air dengan saiz standard antara 0.1ML-200ML dengan kedalaman antara 3m-6m. Kapasiti kesemua kolam air adalah 5,353.7 JL, iaitu lebih daripada pengeluaran LRA-LRA sediaada yang berada di 4,930.76 setakat April 2020.</p>	<p>Walaupun kapasiti 1377 kolam air melebihi pengeluaran LRA-LRA, tetapi kolam-kolam air sedia ada tidak meliputi semua kawasan perumahan.</p>
<p>Mengurangkan Non-Revenue Water dengan:- (1) Mengawal 'System Input Value' (2) Pengurusan tekanan (3) Mempercepatkan program penggantian meter (4) Program pengesanan kebocoran yang lebih aktif (5) Normalisasi pengebilan akaun yang tinggi dalam sistem pengebilan CRIS</p>	
<p>Membina LRA-LRA untuk menambahbaik rizab bekalan air, di samping mengatasi masalah 8 LRA yang melebihi keupayaan pengeluaran dan 11 LRA yang melebihi kapasiti rekabentuk (Lihat Lampiran 4)</p>	<p>Lampiran 11 jelas menunjukkan sasaran rizab bekalan air kini adalah antara 10-15%. Air Selangor sepatutnya mengerakkan/meminda pelan kerja ke arah sasaran rizab bekalan air 20%, mengikut standard SPAN.</p>

3.3.2. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

USAHA AGENSI	PENEMUAN JAWATANKUASA
LUAS telah menyediakan Pelan Tindakan Bersepadu Menangani Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 11 Mac 2020 kertas EXCO-MTES No. 1/7/2020	Pelan Tindakan Bersepadu yang disediakan wajar mengambilkira saranan-saranan yang dikemukakan melalui penyata ini.
Mengemaskini inventori aktiviti guna tanah di rizab sungai dan lembangan sungai dalam Sistem Maklumat Geografi (GIS) bagi Pelan Potensi Pencemaran	Inventori tersebut wajar dikongsi dengan JAS untuk membantu usaha bancian JAS bagi mengenalpasti punca-punca pencemaran yang mungkin tercicir daripada senarai JAS. Usaha ini juga wajar melibatkan PBT-PBT dan Pejabat Tanah.
Pemasangan stesen telemetri kuantiti dan kualiti air serta kolaborasi projek dengan Air Selangor untuk <i>early warning system</i> bagi muka sauk LRA selaras aplikasi IR 4.0 dan IoTs .	
Pelaksanaan OPS Sumber Air Selangor semasa musim perayaan iaitu pemantauan dalam tempoh 24 jam di lembangan sungai bagi memantau dan mencegah aktiviti yang berpotensi menyebabkan pencemaran dan henti tugas loji.	LUAS wajar mempertimbangkan cadangan untuk meningkatkan kekerapan pelaksanaan OPS Sumber Air supaya lebih kerap dan tidak tertakluk kepada musim perayaan sahaja bagi mewujudkan budaya bertanggungjawab dalam kalangan masyarakat melalui pemantauan dan penguatkuasaan.
Mempergiatkan tindakan pemantauan bagi aktiviti yang dilesenkan di bawah Enakmen LUAS 1999.	
Memperkasakan tindakan penguatkuasaan dan perundangan yang tegas dengan pendakwaan mahkamah.	Kes-kes yang dibawa ke mahkamah antara 2018 hingga 2020 merekodkan RM45,000 sahaja sebagai hukuman tertinggi
Mempergiat dan memperkasakan program kesedaran awam di kalangan agensi dan komuniti seperti <i>Friends of River</i> (FoR) di bawah Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai Selangor.	

Kajian semula perundangan termasuk jumlah denda dan kompaun dalam Enakmen LUAS 1999.	Pindaan wajar merangkumi kesalahan pencemaran bau, peningkatan denda untuk kesalahan pencemaran, meletakkan had minima denda tersebut dan mewajibkan hukuman penjara.
Kajian semula Peraturan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar Negeri Selangor 2012.	Peraturan-peraturan wajar dipinda untuk menyatakan standard bau untuk bahan-bahan yang dilepaskan.
Pelaksanaan kajian permodelan dan aplikasi sistem pelepasan efluen berdasarkan keupayaan kapasiti sungai iaitu pengenalpastian Jumlah Beban Harian Maksimum / <i>Total Maximum Daily Load</i> (TMDL) secara berfasa selaras Seksyen 56, Enakmen LUAS 1999.	Pelaksanaan TMDL wajar disegerakan.
Pelaksanaan kajian kebolehlaksanaan “ <i>zero discharge policy</i> ” bagi premis industri atau amalan kitar semula efluen.	Peratus pencapaian usaha ini hanya pada 5%. Ia wajar disegerakan.
Pelaksanaan Kajian Kebolehlaksanaan <i>Polluters Pay Principle</i> (PPP) selaras Seksyen 44(1)(b) Enakmen LUAS 1999.	Peratus pencapaian usaha ini hanya pada 5%. Ia wajar disegerakan.
Mengkaji dan mengenalpasti peralatan yang efektif bagi mengesan pencemaran bau.	Peratus pencapaian usaha ini hanya pada 5%. Ia wajar disegerakan.
Sehingga Mei 2020, 412 cabang sungai dan 50m ke kanan dan kiri sungai telah digazetkan sebagai zon perlindungan bawah Seksyen 28 Enakmen LUAS 1999. Untuk tahun 2020, 170 cabang sungai akan digazetkan dengan baki 433 cabang sungai. LUAS menjangkakan bahawa semua sungai dapat siap diukur pada 2021.	Jawatanakuasa mengambil maklum bahawa proses penggazetan mungkin akan mengambil masa yang lama kerana perlu menunggu proses di Pejabat-pejabat tanah dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor.

3.3.3. Jabatan Alam Sekitar (JAS)

USAHA AGENSI	PENEMUAN JAWATANKUASA
Penguatkuasaan 16 kali sebulan bagi setiap pasukan penguatkuasaan atas kilang dalam inventori JAS. JAS memberi keutamaan kepada kilang yang	Penguatkuasaan adalah satu komponen penting dalam menangani masalah pencemaran bau. Kerajaan Negeri wajar bantu mengatasi masalah kakitangan JAS

<p>menghasilkan buangan terjadual yang banyak, kilang yang diadu, kilang dalam perhatian melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 Setiap pasukan terdiri daripada 2 hingga 3 orang pegawai penguatkuasa.</p> <p>Sebanyak 35 pasukan penguatkuasa terbahagi kepada unit-unit kawasan yang telah ditetapkan iaitu Shah Alam (MBSA), Klang (MPK), Petaling Jaya (MBPJ), Kajang (MPKj/MPAJ), Sepang (MPKL, MPSepang), Sabak Bernam (MDSB/MDKL) dan Gombak (MPSelayang / MPAJ).</p>	<p>supaya usaha penguatkuasaan dapat ditingkatkan. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa JAS hanya mempunyai lebih kurang 80 kakitangan untuk menjalankan penguatkuasaan atas 12,308 kilang dalam inventornya.</p> <p>Jawatankuasa mendapati bahawa terdapat perbezaan yang besar antara inventori kilang/industri LUAS (40,135) dan JAS (12,308).</p>
<p>Penguatkuasaan ke atas projek-projek tertakluk kepada EIA di peringkat kerja tanah bagi mengawal masalah hakisan dan kelodakan.</p>	
<p>Menempatkan 96 Stesen Pemantauan Kualiti Air dan 5 stesen secara online di hulu LRA</p>	<p>Pemantauan dari 11 RMS Air Selangor, 4 stesen telemetri Air Selangor, 11 stesen telemetri LUAS dan 96+5 (online) stesen pemantauan air JAS serta data yang dikumpul wajar dipusatkan dan dikongsi bersama semua agensi berkepentingan. Kini, maklumat hanya dikongsi di antara LUAS dan Air Selangor.</p>
<p>Pelaporan kualiti pelepasan efluen terawat secara online (Online Environmental Reporting, OER) oleh pihak industri.</p>	
<p>Menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan berterusan ke atas premis yang bermasalah sehingga mencapai status patuh sepenuhnya.</p>	
<p>Melaksanakan Ops Sumber Air bersama agensi-agensi berkaitan.</p>	<p>Ops Sumber Air wajar dikerapkan dan tidak tertakluk kepada musim perayaan sahaja bagi mewujudkan budaya bertanggungjawab di kalangan masyarakat melalui pemantauan dan penguatkuasaan.</p>

<p>Meningkatkan kekerapan rondaan di kawasan upstream intake dan LRA.</p>	<p>Jawatankuasa mengambil maklum bahawa setakat ini, rondaan dilaksanakan secara berkala dan mengikut musim kerana JAS perlu memberi perhatian kepada punca-punca lain yang lebih memerlukan perhatian.</p>
<p>Melaksanakan program pendidikan dan kesedaran secara berterusan.</p>	
<p>Mendapatkan komitmen daripada Kerajaan Negeri mengenai TMDL bagi mengawal isu pencemaran sungai iaitu penetapan <i>water quality target</i> dan menghadkan beban (loading) kemasukan bahan pencemar ke dalam sungai (pendekatan sedia ada adalah berdasarkan kepekatan pencemar)</p>	<p>Jawatankuasa mengambil maklum bahawa TMDL adalah satu pendekatan yang, jika dilaksanakan, amat berkesan. Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu tekad untuk mengatasi kerumitan yang bakal dihadapi contohnya untuk mengukur bahan-bahan pencemar yang dihasilkan oleh premis komersial, restoran, pasar-pasar basah, ladang-ladang pertanian dan penternakan, aktiviti akuakultur, pembalakan, kawasan pembukaan tanah, pengkuarian pasir dan lain-lain, mewujudkan sistem pemantauan yang sama, membina infrastruktur sokongan, menggubal undang-undang dan sebagainya</p>
<p>Pindaan undang-undang ke arah tindakan penguatkuasaan dan penganan hukuman yang lebih tegas.</p>	<p>Pindaan yang sedang dipertimbangkan wajar merangkumi kesalahan pencemaran bau, meningkatkan denda untuk kesalahan pencemaran air, meletakkan had minima denda tersebut dan mewajibkan hukuman penjara.</p>
<p><i>Tracking system/big data</i> bagi Buangan Terjadual sedang dibangunkan bagi menangani isu pelupusan haram.</p>	
<p>Merancang Ops Gempur/Bersepadu di kawasan industri yang dikenalpasti bermasalah (dari masa ke semasa) iaitu penguatkuasaan secara bersasar.</p>	<p>Jawatankuasa mengambil maklum bahawa setakat ini, hanya 50% daripada rancangan ini telah dilaksanakan.</p>

3.3.4. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

USAHA AGENSI	PENEMUAN JAWATANKUASA
<p>SPAN membuat pemantauan sumber air hanya di point berhampiran dengan muka sauk "intake" LRA pada setiap hari dengan kekuatan satu pasukan rondaan. Kawasan kritikal berkenaan melibatkan 3 lembangan sungai iaitu Sungai Selangor, Semenyih dan Langat. Sekiranya pemantauan melibatkan cuti perayaan, pihak SPAN akan menambah kekuatan pasukan rondaan dan pada kebiasaannya terlibat dengan operasi bersepadu anjuran agensi seperti LUAS atau JAS.</p>	<p>Pemantauan Sumber Air perlu ditingkatkan kekerapannya supaya ia tidak tertakluk kepada musim perayaan sahaja. Ini adalah untuk mewujudkan budaya bertanggungjawab di kalangan masyarakat melalui pemantauan dan penguatkuasaan. Pemantauan juga wajar dijadualkan dan bukan dilaksanakan secara bersasar atau ad-hoc sahaja supaya kekerapan dijamin.</p>
<p>Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 akan dipinda untuk memantapkan lagi aspek penguatkuasaan kesalahan pencemaran.</p>	<p>Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 untuk merangkumi kesalahan pencemaran bau, meningkatkan denda untuk kesalahan pencemaran air, menetapkan had minima denda tersebut dan mewajibkan hukuman penjara.</p>

3.3.5. Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ)

USAHA AGENSI	PENEMUAN JAWATANKUASA
<p>MPKj melalui pemantauan atau penerimaan aduan dari orang awam akan melaksanakan penyiasatan di lokasi aduan berhubung pencemaran serta akan mencari punca-punca berlakunya pencemaran.</p>	<p>Selain bersandar kepada aduan awam, pemantauan wajar dijadualkan dan bukan dilaksanakan secara bersasar atau ad-hoc sahaja supaya kekerapan dijamin.</p>
<p>MPKj telah tubuhkan Unit Gempur JPPK di mana unit ini ditubuhkan untuk memantau tapak-tapak pelupusan sampah haram serta membantu memantau aktiviti pembuangan sampah haram di sekitar kawasan tebing-tebing sungai bergantung kepada maklumat yang diperoleh dari agensi LUAS, JPS dan JAS.</p>	

3.3.6. Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)

USAHA AGENSI	PENEMUAN JAWATANKUASA
<p>Satu prosedur siasatan kes pencemaran alam sekitar telah diwujudkan oleh Unit Kawalan Alam Sekitar (UKAS) JPSPPA dan ia digunakan setiap kali kes kacau ganggu pencemaran alam sekitar berlaku di Hulu Selangor. (Lihat Lampiran5)</p>	<p>Selain bersandar kepada aduan awam, pemantauan wajar dijadualkan dan bukan dilaksanakan secara bersasar atau <i>ad-hoc</i> sahaja supaya kekerapan dijamin.</p>
<p>Jabatan Perancang Bandar mewajibkan syarat-syarat mengikut jenis premis untuk memastikan pembangunan secara am dan berdekatan sungai tidak memberi impak dan pencemaran.</p> <p>Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam akan melakukan penyiasatan atas aduan awam dalam tempoh 24 jam waktu bekerja. JPSPPA akan mengadakan siasatan bersepadu bersama Jabatan-Jabatan Teknikal berkenaan. Notis Kacau ganggu Dihapuskan selama 14 hari akan diberikan sekiranya punca dapat dikenal pasti. Tindakan kompaun juga boleh dikeluarkan atas kesalahan melakukan kacau ganggu anak sungai atau pencemaran anak sungai dengan sampah perdagangan.</p> <p>Jabatan Kejuruteraan akan mengeluarkan kompaun mengikut Seksyen 70 A (1) Akta 133 dan notis arahan berhenti kerja kepada pemilik / pengusaha pembangunan tanah yang menyebabkan hakisan keladak memasuki sungai. Selain itu, Jabatan juga meletakkan syarat kepada semua pemaju yang mendapat kelulusan Pelan Kerja Tanah supaya sentiasa mengawal air larian permukaan dari pembangunan supaya tidak menyebabkan pencemaran. Jabatan juga membuat pemantauan secara berkala.</p> <p>(Lihat Lampiran 12 untuk syarat-syarat terperinci)</p>	

<p>Setiap syarikat / pengilang / kontraktor dikenakan syarat semasa permohonan lesen untuk melantik kontraktor pengurusan sisa pepejal sendiri mengikut senarai panel yang disediakan MDHS dan perlu diisytihar kepada pihak Majlis. Kesemua pembuangan sampah di Tapak Pelupusan Sampah (TPS) adalah perlu mendapat pemakluman pihak Jabatan dan sekiranya pihak premis gagal membuktikan pelupusan sisa yang betul, lesen syarikat boleh ditarik balik.</p>	<p>Usaha yang sangat bagus dan wajar dicontohi PBT lain.</p>
<p>Bagi orang awam, pihak Majlis telah melaksanakan sistem '<i>Report and Reward</i>' dan sekiranya terdapat aktiviti pembuangan sampah dan pesalah dapat ditangkap/kompaun, pengadu akan mendapat sedikit insentif hasil aduan berkenaan. Mesyuarat Industrial Park Management Committee juga telah dijalankan secara rutin bersama pengilang.</p>	<p>Jawatankuasa berpandangan bahawa sistem '<i>Report and Reward</i>' perlu disebar luaskan kepada semua penduduk di kawasan MDHS. Usaha yang sangat bagus dan wajar dicontohi PBT lain.</p>
<p>Jabatan Penguatkuasaan membuat operasi bersepadu secara berkala terhadap kilang-kilang yang berisiko berpunca pencemaran. Terdapat 27 operasi bersepadu yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 sehingga Mei 2020. Sebanyak 25 premis telah dikenakan tindakan penguatkuasaan seperti kompaun dan penutupan premis.</p>	<p>Pemantauan wajar dijadualkan dan bukan dilaksanakan secara bersasar atau ad-hoc sahaja supaya kekerapan dijamin</p>
<p>MDHS juga sedang merancang untuk mewujudkan pasukan '<i>task force</i>' di mana setiap kali terdapat masalah pencemaran sumber air, wakil daripada Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancang, Jabatan Bangunan serta JPSPPA akan menjalankan lawatan tapak bersama.</p>	
<p>MDHS juga sedang merancang untuk menggunakan teknologi dron bagi mengesan sumber pencemaran.</p>	

3.3.7. Indah Water Konsortium (IWK)

USAHA AGENSI	PENEMUAN JAWATANKUASA
<p>Jawatankuasa mengambil maklum mengenai sistem penggerak <i>Early Warning System</i> (EWS) yang berfungsi 24 jam untuk membantu pasukan operasi IWK mendapatkan maklumat dengan segera melalui sistem pesanan ringkas (SMS) sekiranya loji dan peralatan tidak berfungsi dengan normal.</p>	<p>Jawatankuasa mengambil maklum bahawa EWS tidak berupaya untuk mengesan pencemaran bau.</p>
<p>Menurut IWK, pencemaran berlaku disebabkan oleh pembuangan bahan terlarang ke dalam loji IWK. Oleh itu, bagi mengawal aktiviti pembuangan ke dalam loji, IWK telah mengenal pasti loji yang berisiko tinggi yang terletak di kawasan terpencil dan melakukan rondaan secara berkala bermula pada jam 5.30 petang hingga 4.00 pagi pada hari bekerja dan sepanjang hari pada hujung minggu serta cuti umum di kawasan tersebut. Loji berisiko tinggi termasuk Bukit Beruntung (Sg Selangor), Bandar Bukit Mahkota (Sg Semenyih & Bukit Tampoi) dan Nilai (Negeri Sembilan).</p>	<p>Jawatankuasa mengambil maklum bahawa IWK mempunyai 725 buah loji rawatan kumbahan (LRK) awam yang terletak di hulu LRA . Bukan semua LRK mempunyai pemantauan 24 jam.</p>
<p>Menghentikan pelepasan efluen sebaik sahaja mendapat pengesahan tentang kejadian pembuangan bahan terlarang sehingga diberi kebenaran untuk beroperasi seperti biasa.</p>	
<p>Mengambil langkah-langkah untuk mengawal pencemaran dengan menggunakan bahan kawalan pencemaran seperti <i>Catalyst Hydrogen Peroxide</i> serta <i>Activated Carbon</i> sehingga kesan pencemaran yang terdapat di dalam loji dapat dipulihkan semula.</p>	
<p>Pembersihan kawasan luar premis loji termasuk kawasan longkang.</p>	

Menurap penutup lurang yang berada di kawasan yang terpencil yang disyaki digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.	
Menjalankan rondaan di kawasan-kawasan yang berisiko yang mempunyai sistem pembentungan awam.	
Jika berlakunya pembuangan sisa terlarang ke dalam paip pembentungan awam, pihak IWK akan menyumbat lurang-lurang yang berkenaan dengan kaedah <i>Mechanical Plugging</i> bagi memastikan sisa terlarang tersebut tidak masuk ke dalam loji rawatan kumhana. Kawasan tersebut akan diselenggara dengan menggunakan lori tangki sedut sehingga sisa terlarang dapat diasingkan.	

3.4. SARANAN AGENSI-AGENSI

3.4.1. Air Selangor

- 3.4.1.1. Ke kerapannya insiden pencemaran sungai yang tinggi menunjukkan ianya harus ditangani dengan sewajarnya oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- 3.4.1.2. Pihak LUAS, JAS dan PBT harus memainkan peranan yang lebih besar bagi memastikan penguatkuasaan dan pengawasan lembangan sungai dapat dipertingkatkan agar sumber air mentah sentiasa terpelihara dari sebarang ancaman pencemaran pada setiap masa.

3.4.2. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

- 3.4.2.1. Meningkatkan kaedah pengesanan punca pencemaran di peringkat awal bagi membolehkan tindakan kawalan akan dilaksanakan segera di tapak sama ada menggunakan sistem teknologi IR 4.0 atau kaedah forensik terkini terutamanya bagi pencemaran bau.
- 3.4.2.2. Memperkukuhkan koordinasi governans dalam menangani kes kecemasan pencemaran sumber air.

- 3.4.2.3. Mempunyai peruntukkan yang mencukupi apabila melaksanakan kerja-kerja pembersihan pencemaran sumber air terutamanya jika melibatkan bahan buang terjadual di tanah kerajaan; dan
- 3.4.2.4. Meningkatkan kerjasama dan membudayakan bersama pihak berkepentingan samada agensi kerajaan, swasta dan NGO dalam memastikan perlindungan dan pemuliharaan sumber air dapat dilaksanakan dengan efektif.

3.4.3. Jabatan Alam Sekitar (JAS)

- 3.4.3.1. *Political will* untuk melaksanakan pendekatan TMDL mengikut lembangan sungai.
- 3.4.3.2. Meningkatkan kaedah rawatan air mentah kepada *Best Available Technology*.
- 3.4.3.3. Memfokus pengambilan air mentah yang lebih banyak di intake yang lebih ke hulu sungai berbanding di hiliran sungai yang lebih banyak terdedah kepada kawasan pembangunan dan industri.
- 3.4.3.4. Memberi perhatian serius kepada pencemaran *non-point sources* yang dikawal oleh agensi-agensi selain JAS yang menyumbang kepada 70 peratus sumber pencemaran sungai. Contoh *non-point sources* adalah seperti – larian air permukaan dari tapak pembinaan dan perancangan berfasa (*batching plant*), kumbahan yang dilepaskan dari premis yang mempunyai bilangan penduduk yang kurang dari 150 (PE), pelepasan dari medan selera (*food court*) dan pasar basah, larian dari kawasan pertanian, kolam-kolam penternakan ikan dan udang, larian air permukaan dari kawasan penternakan lembu, babi, ayam, pusat cuci kereta (*carwash*) dan dobi, aktiviti perlombongan kurang 20 ekar dan lain-lain.
- 3.4.3.5. JAS diperuntukkan dengan sumber yang lebih baik termasuk kakitangan, kelengkapan dan kewangan supaya kawasan hulu dapat dipantau dengan lebih kerap dan fokus.
- 3.4.3.6. *Early Warning System* pada LRA/sungai yang mempunyai premis upstream yang bermasalah.
- 3.4.3.7. Teknologi rawatan air konvensional hendaklah ditambah baik.
- 3.4.3.8. Pembinaan kolam-kolam takungan/sumber air alternatif seperti HORAS dan ORS diperluaskan.
- 3.4.3.9. Mengkaji semula standard/piawai air mentah dan terawat terutama bagi parameter ammonia dan bau.

3.4.4. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

- 3.4.4.1. SPAN memohon supaya Kerajaan Negeri untuk memantapkan tindakan melalui agensi-agensi berkaitan seperti LUAS, PBT dan Pejabat Tanah & Daerah dari aspek tindakan penguatkuasaan dan juga mengetatkan syarat-syarat kelulusan terutama kepada industri-industri kecil yang melupuskan sisa-sisa ke dalam sungai.
- 3.4.4.2. Premis-premis haram berdekatan dengan sungai perlu ditutup.
- 3.4.4.3. Mewartakan kawasan berhampiran lembangan sungai sebagai kawasan tadahan.
- 3.4.4.4. Sekiranya terdapat kawasan perindustrian berhampiran sungai, maka pelupusan sisa buangan perlu dipantau dengan teratur.

3.4.5. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

- 3.4.5.1. Bagi kes-kes yang dibawa ke mahkamah, hasil denda akan dibayar dan disimpan di peringkat Kerajaan Persekutuan, bukan Pihak Berkuasa Tempatan. Dicadangkan supaya hasil denda diturunkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.
- 3.4.5.2. Menyediakan dana khas untuk membersihkan bahan-bahan pencemar. Bagi kes di Bandar Mahkota Cheras, MPKj telah membelanja lebih daripada RM500 ribu daripada peruntukkan majlis untuk bersihkan bahan pencemar.
- 3.4.5.3. MPKj bersetuju untuk keperluan Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal khas untuk Negeri Selangor.
- 3.4.5.4. Perlunya pegawai khusus untuk menguruskan isu pencemaran alam sekitar dan hanya bertindak seperti *'firefighting crisis'* kerana tiada sistem khusus untuk menangani isu pencemaran alam sekitar.

3.4.6. Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)

- 3.4.6.1. Akta Kerajaan Tempatan 1967 perlu dipinda untuk meningkatkan denda-denda semua kesalahan.
- 3.4.6.2. PBT wajar dilibatkan sebelum pengeluaran permit-permit atau lesen-lesen untuk agensi lain contohnya Approved Permit untuk pengimportan bahan kitar semula, permit lori daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat dan lain-lain. Ini adalah kerana proses pengoperasian premis haram dapat berterusan dengan adanya permit lain walaupun tiada kebenaran daripada Majlis.
- 3.4.6.3. Kerajaan Negeri dipohon melengkapi PBT-PBT yang menjaga kawasan sungai hulu LRA dengan kemudahan seperti kit pensampelan air in-situ, peruntukkan analisis air ke Jabatan Kimia Malaysia, Personal Protection Equipment (PPE) bagi aktiviti

pensampelan, dan logistik bersesuaian untuk melawat dan siasat kes yang sukar diakses seperti kangaroo bar, lampu limpah (spotlight) dan tayar *offroad*.

- 3.4.6.4. Kerajaan Negeri dipohon untuk mempertimbangkan semula keputusan yang dibuat pada 26 April 2012 iaitu penangguhan pengenaan cukai taksiran ke atas aset-aset di bawah seliaan operator air iaitu Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd. (SPLASH) dengan jumlah cukai taksiran tahunan berjumlah RM614,393.00.

4. SARANAN JAWATANKUASA

- 4.1. Jawatankuasa mencadangkan supaya Pelan Tindakan Bersepadu Menangani Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor yang telah disahkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 11 Mac 2020 kertas EXCO-MTES No. 1/7/2020 dipinda untuk merangkumi saranan-saranan yang dikemukakan dalam penyata ini.
- 4.2. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menyegerakan pelaksanaan Jumlah Beban Harian Maksimum/ *Total Maximum Daily Load* (TMDL), "*zero discharge policy*", amalan kitar semula efluen dan *Polluters Pay Principle* (PPP).
- 4.3. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memulakan proses pendidikan dengan semua pihak berkepentingan terutamanya premis-premis yang mengeluarkan efluen ke dalam sungai-sungai di hulu LRA semasa menunggu pelaksanaan TMDL, "*zero discharge policy*", amalan kitar semula efluen dan PPP.
- 4.4. Jawatankuasa mencadangkan, dalam usaha bergerak ke arah sistem PPP, supaya Kerajaan Negeri mengkaji pembinaan infrastruktur bagi menyalurkan dan merawat efluen-efluen yang dihasilkan.
- 4.5. Jawatankuasa mencadangkan supaya reka bentuk HORAS 600 dikaji semula untuk dihubungkan ke LRA supaya ia dapat menjadi punca air kecemasan.
- 4.6. Jawatankuasa mencadangkan supaya Pejabat-pejabat Tanah dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor mengutamakan dan mempercepatkan penggazetan sungai-sungai dan kawasan 50m ke kanan dan kiri yang sama sebagai zon perlindungan bawah Seksyen 28 Enakmen LUAS 1999 untuk mengelakkan masalah penguatkuasaan oleh LUAS nanti.
- 4.7. Jawatankuasa mencadangkan supaya semua aktiviti dan operasi berkaitan air dilakukan secara bersepadu oleh semua agensi berkaitan.

- 4.8. Jawatankuasa mencadangkan agar kekerapan Ops Sumber Air ditingkatkan supaya ia tidak tertakluk kepada musim perayaan sahaja. Ini adalah untuk mewujudkan budaya bertanggungjawab di kalangan masyarakat melalui pemantauan dan penguatkuasaan. Pemantauan juga wajar dijadualkan dan bukan dilaksanakan secara bersasar atau ad-hoc supaya kekerapan dijamin.
- 4.9. Jawatankuasa mencadangkan supaya struktur Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor juga digunakan untuk operasi penguatkuasaan bersepadu dan mesyuarat berjadual supaya usaha semua pihak berkepentingan seperti PBT, SPAN, JAS, AIS diintegrasikan untuk mengelakkan kekeliruan.
- 4.10. Jawatankuasa mencadangkan supaya isu air dijadikan sebagai agenda tetap dalam dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, walau bagaimanapun untuk Pejabat-pejabat daerah yang memerlukan perhatian tambahan berkenaan sumber air boleh mengadakan mesyuarat khusus berkenaan air.
- 4.11. Jawatankuasa mencadangkan supaya penguatkuasaan juga dijadualkan dan kekerapan pemantauan ditingkatkan ke atas *point sources* dan *non-point sources* oleh JAS, LUAS, PBT, PDT dan SPAN.
- 4.12. Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri meningkatkan bilangan kakitangan penguatkuasaan JAS, LUAS, Pejabat Tanah dan PBT supaya penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih kerap dan menyeluruh.
- 4.13. Jawatankuasa mencadangkan penggunaan teknologi seperti dron ataupun CCTV untuk melaksanakan pemantauan.
- 4.14. Jawatankuasa mencadangkan untuk segerakan proses mengenalpasti peralatan yang efektif bagi mengesan pencemaran bau.
- 4.15. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri
 - 4.15.1 Menyediakan dana khas melalui bajet Kerajaan Negeri; atau
 - 4.15.2 Menstrukturkan penyumbangan agensi-agensi kepada suatu tabung untuk membiayai usaha pembersihan punca pencemaran; atau
 - 4.15.3 Secara alternatif, Kerajaan Negeri juga boleh menyediakan prosedur yang jelas untuk menentukan dalam keadaan apa agensi yang mana perlu membiayai kos pembersihan. Ini adalah untuk mengatasi masalah setakat ini di mana dana perlu dikeluarkan oleh agensi-agensi apabila diarahkan secara *adhoc*.

- 4.16. Jawatankuasa menyarankan supaya JAS, LUAS, Pejabat Tanah dan semua PBT berbincang bersama untuk menyelaraskan inventori kilang, termasuk kilang haram agensi masing-masing. Ini adalah untuk memastikan tiada kilang yang tercicir daripada inventori, dan supaya penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh, dan untuk mengatasi masalah kilang haram.
- 4.17. Jawatankuasa menyarankan supaya Pejabat Tanah mengambil tindakan segera ke atas semua penceroboh tanah kerajaan, terutamanya bagi mereka yang sedang melaksanakan aktiviti yang menghasilkan dan melepaskan bahan pencemar ke dalam sungai.
- 4.18. Jawatankuasa mencadangkan supaya setiap LRA dilengkapi dengan ORS yang mempunyai kapasiti air mentah antara 3-7 hari, selaras dengan saranan yang dikemukakan oleh JPK-SAS melalui Kertas Bil. 3/2017.
- 4.19. Jawatankuasa mencadangkan supaya pemantauan daripada 11 RMS Air Selangor, 4 stesen telemetri Air Selangor, 11 stesen telemetri LUAS dan 96+5 (*online*) stesen pemantauan air JAS serta data yang dikumpul wajar diurus oleh LUAS dan maklumat yang dikumpul wajar dikongsi bersama semua agensi berkepentingan. Kini, hanya maklumat daripada stesen-stesen telemetri Air Selangor dan LUAS dikongsi antara mereka sendiri.
- 4.20. Jawatankuasa mencadangkan supaya lebih banyak RMS/stesen pemantauan air dibina bagi memastikan semua sungai di hulu LRA diliputi. Sebelum pembinaan dirancang, Kerajaan Negeri perlu memastikan tiada pertindihan RMS yang dicadangkan dengan RMS sedia ada JAS, LUAS dan Air Selangor. Jadual pembinaan RMS perlu dirancang supaya RMS dibina di kawasan kritikal dahulu. RMS juga perlu dibina di tempat yang strategik untuk memastikan pencemaran dapat dikesan dengan lebih awal, di samping memastikan RMS dibina di lokasi selepas premis-premis kritikal yang berkemungkinan besar mengeluarkan bahan pencemar.
- 4.21. Jawatankuasa mencadangkan supaya RMS/stesen pemantauan air dibina dengan reka bentuk yang lebih sesuai bagi mengelakkan vandalisme dan untuk melengkapi RMS/stesen pemantauan air dengan CCTV. Isu vandalisme tidak wajar menjadi alasan untuk tidak membina lebih RMS.
- 4.22. Jawatankuasa menyarankan supaya kolam air ataupun infrastruktur air kecemasan yang sesuai dibina di kawasan-kawasan perumahan yang tidak mempunyai kemudahan tersebut.
- 4.23. Jawatankuasa menyarankan supaya Piawaian Perancangan Negeri Selangor dan Rancangan-Rancangan Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan dipinda untuk mewajibkan pembinaan kolam air ataupun infrastruktur air kecemasan yang sesuai supaya boleh membekalkan 3 hari air kecemasan.

- 4.24. Sementara menunggu pindaan Piawai Perancangan Negeri Selangor dan Rancangan-Rancangan Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan dilaksanakan, Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengeluarkan arahan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan untuk mewajibkan pembinaan kolam air ataupun infrastruktur air kecemasan yang sesuai supaya boleh membekalkan 3 hari air kecemasan bagi semua kawasan perumahan baru.
- 4.25. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri meminta Air Selangor untuk mengkaji semula pelan kerja Air Selangor, terutamanya rancangan pembinaan LRA ke arah sasaran 20% rizab bekalan air dan bukan 10-15% yang dirancang kini .
- 4.26. Meningkatkan kaedah rawatan air mentah kepada *Best Available Technology* untuk menapis bahan yang buat semasa sekarang tidak boleh ditapis dengan kaedah sedia ada.
- 4.27. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengkaji pelaksanaan '*development levy*' dengan caj dan struktur yang munasabah bagi meningkatkan pendapatan untuk mempercepatkan pembinaan infrastruktur yang dicadangkan dalam penyata ini.
- 4.28. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri meminda Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 untuk meningkatkan denda bagi kesalahan pencemaran air, meletakkan had minima denda tersebut dan mewajibkan hukuman penjara. Selain itu, Peraturan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar Negeri Selangor 2012 juga wajar dipinda bagi menyatakan standard bau untuk bahan pencemar yang dilepaskan. Selain itu, jawatankuasa juga mencadangkan pindaan enakmen merangkumi semua pesalah utama dan pesalah nominal supaya dikenakan tindakan.
- 4.29. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 untuk merangkumi kesalahan pencemaran bau, meningkatkan denda untuk kesalahan pencemaran air, meletakkan had minima denda tersebut dan mewajibkan hukuman penjara. Selain itu, jawatankuasa juga mencadangkan pindaan akta merangkumi semua pesalah utama dan pesalah nominal supaya dikenakan tindakan.
- 4.30. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi meningkatkan denda semua kesalahan. Bagi kesalahan kacau ganggu sungai, Jawatankuasa mencadangkan denda dinaikkan kepada RM1,000,000 dengan denda minima sebanyak RM200,000.


- 4.31. Bagi kesalahan yang dibawa oleh Pihak Berkuasa Tempatan ke mahkamah, Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri berunding dengan pihak-pihak berkepentingan untuk mengaturkan supaya hasil denda disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.
- 4.32. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menyegerakan rundingan untuk dapatkan persetujuan Kerajaan Persekutuan supaya Negeri Selangor dapat menggubal Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal. Dengan itu, Kerajaan Negeri Selangor boleh mensyaratkan premis industri, tapak pembinaan, ladang-ladang dan premi-premis lain untuk melantik kontraktor bertauliah yang disahkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau Kerajaan Negeri Selangor.
- 4.33. Sementara menunggu penggubalan Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal, Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan untuk menetapkan syarat pelantikan kontraktor pengutipan sampah bertauliah dalam lesen semua premis industri, tapak pembinaan dan ladang-ladang, seperti yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor.
- 4.34. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan ulasan daripada PBT sebelum mengeluarkan permit atau lesen daripada agensi lain contohnya permit yang diluluskan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk pengimportan bahan kitar semula, permit lori daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat dan lain-lain. Ini adalah untuk mengatasi masalah di mana proses pengoperasian premis haram dapat berterusan dengan adanya permit lain walaupun tiada kebenaran daripada Majlis.
- 4.35. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri melengkapi setiap PBT yang menjaga kawasan sungai di hulu LRA dengan kemudahan seperti kit pensampelan air *in-situ*, peruntukkan analisis air ke Jabatan Kimia Malaysia, *Personal Protection Equipment* (PPE) bagi aktiviti pensampelan, dan logistik bersesuaian untuk lawat siasat kes yang sukar diakses seperti *kangaroo bar*, lampu limbah (*spotlight*) dan tayar *offroad*.
- 4.36. Jawatankuasa menyokong rayuan MDHS kepada Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan semula keputusan yang dibuat pada 26 April 2012 iaitu penangguhan pengenaan cukai taksiran ke atas aset-aset di bawah seliaan operator air iaitu Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd. (SPLASH) dengan jumlah cukai taksiran tahunan berjumlah RM614,393.00.
- 4.37. Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk bergerak secara bersasar ke arah pemantauan sepanjang masa untuk semua loji rawatan kumbahan IWK di hulu LRA.

- 4.38. Jawatankuasa menyarankan supaya LUAS, JAS, PBT-PBT dan Pejabat Tanah berkongsi dan memusatkan inventori “*point sources*”, “*non-point sources*” dan premis-premis haram. Semua agensi juga wajar melaksanakan bancian tahunan di tapak untuk memastikan inventori mereka adalah sempurna.

5. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Pengerusi) Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-SAS dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bil.4 /2020 pada 2 Jun 2020.

Disahkan oleh:



.....
Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Air Selangor
(JPK-SAS)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS):

- | | | |
|----|--|-----------|
| 1) | Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze
(ADN Kawasan Subang Jaya) | Pengerusi |
| 2) | Y.B. Tuan Leong Tuck Chee
(ADN Kawasan Pandamaran) | Ahli |
| 3) | Y.B. Tuan Mohd Fakhurulrazi bin Mohd Mokhtar
(ADN Kawasan Meru) | Ahli |
| 4) | Y.B. Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi
(ADN Kawasan Sijangkang) | Ahli |
| 5) | Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George
(ADN Kawasan Sentosa) | Ahli |
| 6) | Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik) | Ahli |
| 7) | Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar
(ADN Kawasan Batang Kali) | Ahli |

URUS SETIA

- i) Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Puan Nurul Liyana Binti Musa
Setiausaha Pejabat
- iv) Cik Siti Khadijah Binti Maarof
Pegawai Penyelidik
- v) Encik Nik Muhammad Syaamil Bin Nik Ismail
Pegawai Penyelidik

Senarai saksi untuk setiap agensi yang terlibat adalah seperti berikut:-

1. Air Selangor

- i) Encik Ir. Abas Abdullah
Pengarah /Ketua Operasi Pengurusan Air Selangor
- ii) Tuan Ir. Kelvin Siew Weng Hoe
Ketua Jabatan Pengagihan
- iii) Encik Maimal Faiz bin Abdul Malik
Naib Presiden II

2. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

- i) Dato' Ir Hashim Osman
Pengarah LUAS
- ii) Puan Haslina Amer
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai
- iii) Encik Nor Zamri Sondor
